

DAFTAR KANDUNGAN

GARIS PANDUAN MEMBINA HASIL PEMBELAJARAN (*LEARNING OUTCOMES*) BAGI KURSUS PENGAJIAN IPTS

1.0 PENGENALAN KEPADA HASIL PEMBELAJARAN (*LEARNING OUTCOMES*)

1.1 Definisi Hasil Pembelajaran

1.2 Keperluan Objektif Dan Hasil Pembelajaran Dalam Penggubalan Kurikulum IPTS

2.0 PERBEZAAN DI ANTARA OBJEKTIF DAN HASIL PEMBELAJARAN

2.1 Apakah Perbezaan Di Antara Objektif Dan Hasil Pembelajaran?

2.2 Mengapa Objektif Dan Hasil Pembelajaran Perlu Dibina?

3.0 LANGKAH-LANGKAH IPTS UNTUK MENGURUSKAN PEMBINAAN HASIL PEMBELAJARAN BAGI KURSUS BARU DAN SEMASA

3.1 Bagi Kursus Pengajian Semasa

3.2 Bagi Kursus Pengajian Baru

4.0 PRINSIP-PRINSIP MENULIS HASIL PEMBELAJARAN (GURU)

5.0 CARA MENULIS HASIL PEMBELAJARAN

1.0 PENGENALAN KEPADA HASIL PEMBELAJARAN (LEARNING OUTCOMES)

Garis Panduan Membina Hasil Pembelajaran (*Learning Outcomes*) ini bertujuan untuk membantu pihak Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) di Malaysia dalam usaha pembinaan dan penulisan hasil pembelajaran bagi kursus pengajian peringkat sijil, diploma, sarjana muda, sarjana dan juga peringkat doktor falsafah, sama ada bagi kursus pengajian akademik mahupun profesional. Panduan ini mengemukakan satu pendekatan yang boleh diamalkan oleh pihak IPTS untuk membina hasil pembelajaran bagi kursus-kursus pengajian semasa ataupun yang baru.

1.1 Definisi Hasil Pembelajaran

Hasil Pembelajaran ialah:

**JANGKAAN APA YANG PELAJAR TAHU DAN BOLEH BUAT SETELAH
TAMAT MENGIKUTI KURSUS PENGAJIAN MEREKA.**

1.2 Keperluan Objektif dan Hasil Pembelajaran Dalam Penggubalan Kurikulum IPTS

Dalam usaha untuk melahirkan graduan IPTS yang seimbang dan cemerlang, penggubalan kurikulum IPTS seharusnya dibuat melalui tapisan Falsafah Pendidikan Negara, Akta Pendidikan (1996), Keperluan Antarabangsa dan Psikologi Pendidikan. Dengan itu, kurikulum IPTS perlu mempunyai Visi dan Misi; Matlamat dan Objektif; Hasil Pembelajaran (*Learning Outcomes*); Kandungan Kurikulum, Organisasi Kandungan Kurikulum; Strategi Pengajaran dan Pembelajaran; dan Penilaian

Ternyata bahawa di samping objektif, hasil pembelajaran perlu disediakan bagi mempertingkatkan kualiti pendidikan IPTS. Objektif dapat mempertingkatkan jaminan kualiti daripada segi proses pengajaran dan pembelajaran. Hasil pembelajaran dapat mengenalpasti dan menilai hasil pendidikan yang dihasratkan serta membantu untuk melahirkan graduan yang seimbang dan cemerlang. Oleh itu, kedua-dua objektif dan hasil pembelajaran perlu disediakan dalam penggubalan kurikulum IPTS.

2.0 PERBEZAAN DI ANTARA OBJEKTIF DAN HASIL PEMBELAJARAN

2.1 Apakah Perbezaan Di antara Objektif dan Hasil Pembelajaran?

Objektif	Hasil pembelajaran
<ul style="list-style-type: none">Objektif menyatakan apa yang guru perlu buat yakni apa yang perlu diajar, dan apa yang perlu dirancang untuk mengajar, bukan pernyataan akhir pendidikan.	<ul style="list-style-type: none">Hasil pembelajaran menyatakan apa yang pelajar tahu dan boleh buat atau jangkaan apa yang pelajar tahu dan boleh buat setelah mengikuti kursus pengajian mereka.

2.2 Mengapa Objektif Dan Hasil Pembelajaran Perlu Dibina?

Objektif	Hasil pembelajaran
<p>Objektif dibina untuk:</p> <ul style="list-style-type: none">Memastikan perubahan perlakuan dalam diri pelajar, dalam proses pengajaran dan pembelajaran.Menentukan senarai topik, konsep, generalisasi atau kandungan unsur-unsur lain dalam kursus pengajian dan mata pelajaran.Menyediakan panduan dalam penggubalan dan rekabentuk kurikulum dan instruksi kurikulum yang meliputi kandungan dan perlakuan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran.	<p>Hasil pembelajaran dibina untuk:</p> <ul style="list-style-type: none">Menilai prestasi pelajar daripada segi apa yang pelajar tahu dan boleh buat di akhir kursus pengajian.Memastikan pelajar menguruskan pembelajaran mereka.Menjadikan apa yang diajarkan dan dipelajari itu <i>intentional</i>.Mengetahui apa yang perlu diubah.Memperbaiki dan mempertingkatkan kualiti pembelajaran.Merancang ke arah memperbaiki mutu pendidikan dan keberkesanan institusi.Mengetahui di mana sumber manusia boleh dilaburkan.Menyediakan akauntibiliti kepada konstituen luar.

2.3 Contoh Objektif Dan Hasil Pembelajaran

(i) Disiplin Ekonomi (*Economics Discipline*)

Objektif Pembelajaran (<i>Learning Objective</i>)	Jangkaan Hasil Pembelajaran (<i>Expected Learning Outcome</i>)
<p>Pelajar Ekonomi akan memahami ciri-ciri dan fungsi sistem pasaran.</p> <p><i>(Economics students will understand the nature and functioning of the market system)</i></p>	<p>Pelajar Ekonomi akan berupaya untuk mengenalpasti peranan penawaran dan permintaan dalam sesuatu pasaran ekonomi dan syarat-syarat yang diperlukan untuk berfungsi dengan baik.</p> <p><i>(Economics students will be able to identify the role of supply and demand in a market economy and the necessary conditions to function well)</i></p>

(ii) Disiplin Pentadbiran (*Management Discipline*)

Objektif Pembelajaran (<i>Learning Objective</i>)	Jangkaan Hasil Pembelajaran (<i>Expected Learning Outcome</i>)
<p>Pelajar bidang pentadbiran akan memahami dan menggunakan berbagai-bagai teknik analisis kuantitatif sesuai untuk bisnes.</p> <p><i>(Management students will understand and use a variety of quantitative analysis techniques appropriate for business)</i></p>	<p>Pelajar bidang pentadbiran akan menunjukkan pengetahuan asas kalkulus, statistik, dan alat-alat kuantitatif yang diperlukan untuk menyelesaikan masalah kehidupan sebenar</p> <p><i>(Management students will demonstrate a basic knowledge of calculus, statistics, and other quantitative tools necessary to solve real-world problems)</i></p>

3. LANGKAH-LANGKAH IPTS UNTUK MENGURUSKAN PEMBINAAN HASIL PEMBELAJARAN (LEARNING OUTCOMES)

3.1 Bagi Kursus Pengajian Semasa

LANGKAH	TINDAKAN
LANGKAH 1	Mulakan dengan mesyuarat staf akademik peringkat fakulti, termasuk pelajar dan alumni, dan pakar pendidikan untuk memperkenalkan konsep hasil pembelajaran (<i>learning outcomes</i>). Pihak pengurusan IPTS juga dijemput hadir untuk menjayakan tugas menulis hasil pembelajaran bagi kursus pengajian dan mata pelajaran IPTS.
LANGKAH 2	Adakan sumbangsaan tentang graduan ideal yang tahu, faham dan boleh buat dengan ilmu, kemahiran, sikap, nilai, dan kemahiran berfikir, yang telah diajar dan dipelajari.
LANGKAH 3	Bersetuju dan memahami bahawa draf pertama yang mengandungi senarai hasil pembelajaran akan disemak beberapa kali untuk pemurniaan dan penyesuaian dengan perubahan-perubahan pendidikan.
LANGKAH 4	Senaraikan hasil pembelajaran bagi setiap kursus pengajian dan mata pelajaran.
LANGKAH 5	Dapatkan maklum balas daripada pelajar bagi setiap kursus atau program tentang sejauhmana persepsi mereka tentang hasil pembelajaran.
LANGKAH 6	Menilai tugas pelajar untuk mengukur pencapaian hasil pembelajaran.
LANGKAH 7	Adakan mesyuarat pada pertengahan dan akhir semester untuk menyemak semula senarai hasil pembelajaran bagi setiap kursus dan program.
LANGKAH 8	Ulangi proses di atas selalu untuk memperbaiki hasil pembelajaran.

3.2 Bagi Kursus Pengajian Baru

LANGKAH	TINDAKAN
LANGKAH 1	Mulakan dengan mesyuarat staf akademik peringkat fakulti dan pakar pendidikan untuk memperkenalkan konsep hasil pembelajaran (<i>learning outcomes</i>). Pihak pengurusan IPTS juga dijemput hadir untuk menjayakan tugas menulis hasil pembelajaran bagi kursus pengajian dan mata pelajaran IPTS.
LANGKAH 2	Adakan sumbangsaan tentang graduan ideal yang tahu, faham dan boleh buat dengan ilmu, kemahiran, sikap, nilai, dan kemahiran berfikir, yang telah diajar dan dipelajari.
LANGKAH 3	Bersetuju dan memahami bahawa draf pertama yang mengandungi senarai hasil pembelajaran akan disemak beberapa kali untuk pemurnian dan penyesuaian dengan perubahan-perubahan pendidikan.
LANGKAH 4	Senaraikan hasil pembelajaran bagi setiap kursus pengajian dan mata pelajaran.
LANGKAH 5	Ulangi proses di atas selalu untuk memperbaiki hasil pembelajaran.

4.0 PRINSIP-PRINSIP MENULIS HASIL PEMBELAJARAN (GURU)

Sama ada bagi kursus pengajian semasa ataupun yang baru, gunakan prinsip menulis hasil pembelajaran yang berikut:

Hasil pembelajaran seharusnya ditulis berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

- Meliputi ilmu, kemahiran, dan sikap yang diperlukan dan signifikan untuk kerjaya masa depan pelajar.
- Mewakili peringkat prestasi minimum yang diperlukan untuk seseorang pelajar itu lulus kursus pengajian.
- Realistik dan boleh dicapai oleh pelajar lepasan sekolah menengah (*post-secondary*).
- Menggambarkan keperluan masakini dan jangkaan masa depan dalam tempat kerja.
- Boleh diverifikasikan dan diukur.
- Memperlihatkan kebolehpindahan ke dalam pelbagai konteks.
- Difahami oleh pelajar, pendidik, majikan, dan masyarakat.
- Memperlihatkan prinsip-prinsip ekuiti dan keadilan, dan ada peruntukan bagi pelajar yang berbeza.

5. Cara Menulis Hasil Pembelajaran

Cara menulis hasil pembelajaran boleh dibuat mengikut klasifikasi kemahiran kognitif Bloom. Peringkat kemahiran kognitif berdasarkan Kategori Bloom Taksonomi ini sesuai digunakan untuk membina hasil pembelajaran dengan menggunakan perlakuan berkaitan (*related behaviors*) yang terdiri daripada kata kerja aktif seperti yang berikut:

Kategori	Definisi	Perlakuan Berkaitan (<i>Related Behaviors</i>)
Pengetahuan (<i>Knowledge</i>)	Mengingat atau mengingat semula sesuatu tanpa memahami, menggunakan atau menggantikannya	Mendefinisi (<i>define</i>), menghurai (<i>describe</i>), mengenalpasti (<i>identify</i>), melabelkan (<i>label</i>), menyenaraikan (<i>list</i>), memadankan (<i>match</i>), menghafaz (<i>memorize</i>), menunjukkan (<i>point to</i>), mengingat kembali (<i>recall</i>) memilih (<i>select</i>), menyatakan (<i>state</i>)
Pemahaman (<i>Comprehension</i>)	Memahami sesuatu yang telah dihubungkan tanpa keperluan mengaitkannya kepada apa jua yang lain	Meminda (<i>alter</i>), mengambilkira (<i>account for</i>), menganotasi (<i>annotate</i>), mengira (<i>calculate</i>), mengubah (<i>change</i>), menukar (<i>convert</i>), mengumpul (<i>group</i>), menerangkan (<i>explain</i>), mengeneralisasi (<i>generalize</i>), memberikan contoh (<i>give example</i>), membuat kesimpulan (<i>infer</i>), mentafsir (<i>interpret</i>), memparafrasa (<i>paraphrase</i>), meramal (<i>predict</i>), menilai semula (<i>review</i>), meringkas (<i>summarize</i>), menterjemah (<i>translate</i>)
Aplikasi (<i>Application</i>)	Menggunakan konsep umum untuk menyelesaikan masalah dalam situasi tertentu; menggunakan bahan-bahan yang dipelajari dalam situasi baru yang konkrit	Mengaplikasi (<i>apply</i>), menerapkan (<i>adopt</i>), menghimpun (<i>collect</i>), mengkonstruksi (<i>construct</i>), mendiagram (<i>diagram</i>), menemukan (<i>discover</i>), mengilustrasi (<i>illustrate</i>), menemuduga (<i>menemuduga</i>), menggunakan (<i>make use of</i>), memanipulasi (<i>manipulate</i>), mengaitkan (<i>relate</i>), menunjukkan (<i>show</i>), menyelesaikan (<i>solve</i>), menggunakan (<i>use</i>)
Analisis (<i>Analysis</i>)	Memecahkan sesuatu ke dalam bahagian-bahagian; mungkin memfokuskan pengenalan bahagian-bahagian atau analisis perkaitan antara bahagian-bahagian, atau pengiktirafan organisasi prinsip-prinsip	Menganalisis (<i>analyse</i>), membanding (<i>compare</i>), menunjukkan pertentangan / pertentangan (<i>contrast</i>), mendiagram (<i>diagram</i>), membezakan (<i>differentiate</i>), membedah (<i>dissect</i>), melihat perbezaan (<i>distinguish</i>), mengenalpasti (<i>identify</i>), mengilustrasikan (<i>illustrate</i>), membuat kesimpulan (<i>infer</i>), menggariskan (<i>outline</i>), menunjukkan (<i>point out</i>), memilih (<i>select</i>), memisahkan (<i>separate</i>), mengasingkan (<i>sort</i>), membahagikan (<i>subdivide</i>)

Sintesis (<i>Synthesis</i>)	Mencipta sesuatu yang baru dengan memasukkan bahagian-bahagian idea yang berbeza untuk keseluruhan	Mengadun (<i>blend</i>), membina (<i>build</i>), mengubah (<i>change</i>), mencantumkan (<i>combine</i>), mengkompilasi (<i>compile</i>), mengarang (<i>compose</i>), menggambarkan (<i>conceive</i>), mencipta (<i>create</i>), merekabentuk (<i>design</i>), membentuk (<i>formulate</i>), menjana (<i>generate</i>), menghipotesis (<i>hypothesize</i>), merancang (<i>plan</i>), meramal (<i>predict</i>), mengeluarkan (<i>produce</i>), menyusun semula (<i>reorder</i>), menyemak (<i>revise</i>), memberitahu (<i>tell</i>), menulis (<i>write</i>)
Penilaian (<i>Evaluation</i>)	Mengadili nilai bahan atau kaedah-kaedah apabila ianya boleh diaplikasikan dalam situasi khusus; mengadili dengan penggunaan kriteria yang tepat	Menerima (<i>accept</i>), menaksir (<i>appraise</i>), mengukur (<i>assess</i>), mengabitrase (<i>arbitrate</i>), menganugerah (<i>award</i>), memilih (<i>choose</i>), menyimpulkan (<i>conclude</i>), mengkritik (<i>critisize</i>), mempertahankan (<i>defend</i>), menilai (<i>evaluate</i>), menggred (<i>grade</i>), mengadili (<i>judge</i>), mengutamakan (<i>prioritize</i>), mengesyorkan (<i>recommend</i>), menimbang (<i>referee</i>), menolak (<i>reject</i>), memilih (<i>select</i>), menyokong (<i>support</i>)

Dengan menggunakan kata kerja perlakuan berkaitan (*related behaviors*) di atas, binalah hasil pembelajaran untuk kursus pengajian semasa ataupun yang baru.